

PROGRAM : BENGKEL PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN MELALUI PENGGUNAAN PERALATAN SAINTIFIK & FUNDAMENTAL SIRI 1/2020

PENGENALAN

Bengkel ini telah diadakan pada 26 – 27 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Melati, Aras 4, Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar. Objektif bengkel ini adalah untuk mendapatkan input keperluan sebenar JAS Negeri berkenaan kadar pusingan peralatan dengan mengambilkira jangkaan kes-kes kecemasan, jenis dan jumlah peralatan sedia ada di JAS Negeri, serta penghasilan katalog peralatan untuk JAS Negeri. Bengkel untuk Siri 1/2020 ini telah dihadiri 2 orang wakil pegawai dari JAS Negeri Johor, Pahang, Terengganu & Kelantan.

KANDUNGAN (PENGISIAN PROGRAM)

Beberapa pengisian dalam program ini antaranya 3 sesi taklimat yang disampaikan oleh pegawai-pegawai daripada Ibu Pejabat JAS antaranya seperti berikut:

- Taklimat dari Seksyen Pengurusan Aset mengenai Tatacara Pengurusan Aset oleh PK Norhayati Mohd Rais,
- Taklimat Seksyen Audit Penguatkuasaan mengenai Audit Penguatkuasaan & Peralatan oleh KPP Mohd Yunos Rais dan
- Taklimat Seksyen Pengurusan Logistik mengenai Tatacara Perolehan Kerajaan oleh PK Muhamad Yuzwan Muhamad Yunus

Para peserta bengkel seterusnya membuat perbincangan dan melengkapkan template katalog peralatan mengikut keperluan negeri masing-masing.

HASIL (OUTCOME)

Hasil daripada bengkel ini, katalog peralatan disediakan sebagai rujukan dan sebagai pelan strategik Jabatan Alam Sekitar yang mengambilkira keperluan perbekalan dan sumber serta jumlah peruntukan yang diluluskan.

